



## **Johor Bahru di tangga ke 2 selepas Kuala Lumpur tetapi pentadbiran Bandaraya JB jauh ketinggalan berbanding negeri lain**

Kenyataan PM memang ada kebenarannya. Johor Bahru terus membangun terutama dari segi ekonomi dan prasarananya. Dalam masa terdekat ini, ia mampu bersaing dengan dengan Kuala Lumpur sebagai pemegang "tropi" nya. Kita sering mendongak ke atas dan hanya melihat Menara Kuala Lumpur atau KLCC sahaja, tetapi apabila kita tunduk ke bawah dan melihat rumput dan persekitaran Sungei Segget kita pasti tertanya-tanya, apa sudah jadi dengan Bandaraya Johor Bahru? Persekitarannya dan jalan-jalannya tidak ubah seperti Pekan Air Hitam dan Pekan Kulai adalah lebih baik.

Siapakah yang akan dipersalahkan? Apakah kita akan mengikuti jejak Nik Aziz dan hanya menuding jari kepada orang lain sahaja....

Secara hahikinya, pembangunan prasarana Johor Bahru merupakan tugas dan tanggungjawab Dato Bandar dan anak-anak buahnya. Ternyata samada secara langsung atau tidak, kesilapan Dato Bandar Johor Bahru membuat perancangan atau langsung tidak ada perancangan merupakan satu kesilapan besar. Kesilapan ini tentunya tidak dapat dilihat semasa Dato Bandar Johor Bahru masih menjalankan tugas. Tetapi apabila ia telah meninggalkan jawatannya, kesilapan ini akan muncul sedikit demi sedikit dan akan diperkatakan oleh orang lain. Inilah hakikat manusia.

Kalau Dato' Bandar "lama" gagal melakukan pembaharuan keatas Bandaraya Johor Bahru agar setanding dengan bandar-bandar lain di Malaysia digantikan dengan Dato Bandar "baru". Hj Wahid Dahlan merupakan sebahagian dari JCS yang dipilih memimpin organisasi besar ini dan dikatakan mampu membawa perubahan besar kepada warga kota Johor Bahru bersandarkan kepada kredibiliti beliau semasa menjawat pelbagai jawatan tinggi Kerajaan.

Soalnya, mampukah beliau menjana pemikiran yang pro-aktif untuk meningkatkan kewibawaan organisasi seperti Bandaraya Johor Bahru? Apakah kesipalan sebelum ini hanya semata-mata di pikul oleh seorang "insan" sahaja berdasarkan kepada jawatan yang di pegang dahulu?

Secara "ad-hoc" nya Kerajaan Johor juga tidak ketinggalan untuk dipersalahkan dengan kesilapan besar yang berlaku ini. Sebagai "monitoring agent" melalui ADUNnya itu ia berhak untuk menegur atau memperbaiki keadaan yang berlaku. Tak tahulah kalau ADUN-ADUN itu tidak menjalankan tugas atau hanya menutup mata sahaja. Sebagai contoh .....

- jalan-jalan di Tebrau yang berlobang
- jalan-jalan di Jalan Bukit Alif dan sekeliling Plaza Angsa yang sering dinaiki air
- kawasan perumahan BBU menjadi "Dengue Haemorrhagic Fever Prone Area"
- kebanyakan longkang-longkang sekitar Bandaraya Johor Bahru sering tersumbat

- keadaan Medan Selera di Johor bersebelahan dengan Kuit Sikh begitu menjijikkan (tak percaya, tengok bawah apabila makan pasti selera akan hilang)
- susunatur jalanraya tidak mencerminkan sebuah Bandaraya
- Bla... bla.... dah penat aku tulis

Keadaan ini akan lebih menyedihkan apabila berlaku kesesakkan atau apabila hujan lebat, pasti bandaraya Johor akan mengalami satu kejutan sosial bagi yang baru menghuni Bandaraya Johor Bahru. Apabila hujan, cakap pun tak guna pasti kawasan sekeliling Wisma Persekutuan akan ditenggelami banjir.

Yang lebih menghairankan, kawasan bandaraya Johor Bahru menjadi laluan utama Exco-Exco Kerajaan yang bertugas di Bukit Timbalan. Kalau buka tingkap pun pasti dapat melihat kawasan sekitar bandaraya di tenggelami air. Itupun kalau tak dapat berita langsung dari ADUN-ADUN.

Rakyat Johor mengharapkan jangan indah khabar dari rupa seperti yang digembar-gemburkan dalam media arus perdana tetapi ketepatan berita yang dipaparkan tidak seperti yang dialami sendiri oleh warga Johor Bahru. Pemimpin-pemimpin perlu turun padang dan memastikan tindakan diambil seterusnya dan kini adalah masa terbaik untuk membaharui tekad ini. Kalau ada ADUN-ADUN yang gagal menjalankan tugas tu, Kerajaan tidak perlu teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas.

Rakyat dan penggundi juga ingin melihat wakil-wakil rakyat yang mereka pilih. Macamana muka atau iras muka wakil rakyat Loh Teh Hian?

Siapa Osman Sopian?

Siapa Khaled Norden atau bla.... blaa.... bla

Inilah harapa penggundi-penggundi Johor menjelang pilihannya umum akan datang supaya pisang tidak berbuah dua kali

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.